

OSTEOACTIV®

3-in-1 Joint Formula



As Adjuvant Therapy for Osteoarthritis



cs bioactive®

OptMSM®

KKLIU 1512/2018

WINWA


Mengenai Osteoarthritis

Osteoarthritis (OA) merupakan penyakit sendi yang paling biasa di dunia. Ia disebabkan oleh penipisan tulang rawan sehingga mengakibatkan hujung tulang bergeseran antara satu sama lain. Keadaan ini menyebabkan sakit sendi, kekejangan, bengkak, keradangan dan pergerakan sendi terjejas.


Osteoarthritis termasuk:

- Keradangan tisu di sekeliling sendi.
- Kerosakan pada rawan.
- Bendalir sinovial berkurangan.
- Tonjolan tajam tulang bertumbuh di sekitar pinggir sendi.
- Kemerosotan ligamen dan tendon.

Sendi Yang Sihat



Osteoarthritis



OA merupakan punca biasa ketidakselesaan sendi, kecacatan dan had aktiviti, terutamanya di kalangan warga tua. OA merupakan penyakit kronik yang mempengaruhi keseluruhan sendi termasuk tulang, rawan, ligamen dan otot. Penyakit degenerasi sendi ini biasanya berlaku pada sendi yang menanggung berat besar badan, termasuk pinggul dan lutut.

OA boleh berlaku pada sebarang usia. Golongan berumur lebih 40 tahun atau mempunyai kecederaan sendi lebih biasa menghadapi OA. Di Malaysia, hampir 10 hingga 20% daripada populasi orang tua mengalami penyakit OA pada lutut manakala sebanyak 30% berlaku pada orang tua yang melebihi umur 65.

80%

daripada pesakit OA
dewasa menghadapi
**PERGERAKAN
TERHAD**



Kelaziman OA
WANITA
**LEBIH
TINGGI**
daripada lelaki

Terapi Tambahan untuk Osteoarthritis

Penyelidikan saintifik yang meluas menunjukkan keputusan yang sangat baik untuk kegunaan glukosamin HCl, kondroitin sulfat dan metilsulfonilmetan (MSM) yang konsisten untuk orang mengalami penyakit OA pada lutut. Mereka yang ingin mengurangkan ketidakselesaan sendi dan mengekalkan kesihatan sendi dengan selamat pasti akan mendapat manfaat daripada ketiga-tiga ramuan penyelidikan asal dari Sepanyol dan Amerika Syarikat tersebut.

Manfaat-manfaat klinikal glukosamin HCl:

- **Membina semula rawan rosot dan memulihkan bendalir sinovial**
Glukosamin merupakan blok binaan utama untuk sintesis glikosaminoglikan (GAG), asid hyaluronik (HA) dan proteoglikan yang merupakan jujuk-jujuk penting untuk kesihatan rawan dan cecair pelincir dalam sendi.
- **Melegakan kesakitan sendi, kekejangan dan kebengkakan sendi**
Glukosamin meningkatkan penghasilan HA dan tindakan anti keradangannya membantu melegakan sakit sendi dan seterusnya mengurangkan kebengkakan dan kekejangan sendi.
- **Meningkatkan pergerakan dan kelenturan sendi**
Glukosamin meningkatkan penghasilan bendalir sinovial dan proteoglikan untuk mengekalkan keanjalan, kekuatan dan daya tahan rawan pada sendi.

Manfaat-manfaat klinikal kondroitin sulfat:

- **Menyokong rawan yang sihat dan kuat**
Kondroitin sulfat dapat membantu penyerapan air ke dalam rawan, menambah ketebalan dan keanjalan rawan serta keupayaan untuk menyerap daya mampatan.
- **Merangsang pembentukan rawan dan bendalir sinovial baru**
Kondroitin sulfat berperanan dalam metabolisme kondrosit dan merangsang sintesis GAG dan HA.
- **Mencegah kemerosotan rawan dan sendi**
Kondroitin sulfat merencatkan tindakan enzim degradasi yang boleh memecahkan matriks rawan dan bendalir sinovial untuk mencegah kemusnahan rawan dan kehilangan fungsi sendi.

Manfaat-manfaat klinikal metilsulfonilmetan (MSM):

- **Menyokong kesihatan keseluruhan sendi**
MSM mengandungi sulfur organik yang tinggi dan merupakan blok binaan yang penting dalam pembentukan tisu perantaraan untuk menyokong tulang, sendi dan rawan yang sihat.
- **Mengurangkan kesakitan sendi dan keradangan**
MSM mempunyai kesan anti radang dan membantu melegakan sakit sendi dengan mengurangkan tindak balas keradangan yang boleh menyebabkan kebengkakan dan kekejangan serta digunakan dalam perawatan penyakit OA.
- **Memulihkan fungsi fizikal dan kekal aktif**
MSM membantu mengurangkan kemerosotan rawan pada sendi and memulihkan fungsi fizikal untuk menyokong gaya hidup yang aktif dan meningkatkan kualiti hidup.

Memilih Jenama yang Sesuai dan Berkesan




Kebanyakan penyelidik sains dan pakar-pakar kesihatan sendi telah mengesyorkan penggunaan produk gred farmaseutikal dan bukan makanan tambahan. Mereka menegaskan kepentingan proses pembuatan dan juga kualiti ramuan semasa membuat keputusan untuk memilih sesuatu jenama.

Pelbagai produk di pasaran mengandungi jenama glukosamin, kondroitin sulfat dan MSM yang berbeza dan kualiti ramuannya juga berbeza. Oleh demikian, adalah penting untuk mengetahui jenama yang telah digunakan dalam kajian klinikal asal dan harus membeli produk berjenama tersebut. Ini merupakan satu-satu caranya untuk memastikan produk tersebut mempunyai kesan yang sama seperti yang dilaporkan dalam kajian klinikal.

b-glu[®] ialah glukosamin HCl gred farmaseutikal yang berketulenan tinggi dan dihasilkan oleh Bioiberica, S.A.U., Sepanyol, salah satu syarikat terkemuka di dunia dalam bidang kesihatan sendi. Keberkesanan dan keselamatan **b-glu[®]** telah terbukti dalam ujian klinikal yang dijalankan di Perancis, Jerman, Poland dan Sepanyol.

CS b-Bioactive[®] ialah jenama kondroitin sulfat berkualiti tinggi dan selamat. **CS b-Bioactive[®]** ialah kondroitin sulfat gred farmaseutikal yang dikeluarkan oleh Bioiberica, S.A.U., Sepanyol, syarikat penjagaan sendi yang terkenal di dunia. Keberkesanan dan keselamatannya telah diuji lebih daripada 20 kajian-kajian klinikal di seluruh dunia.

OptiMSM[®] ialah metilsulfonilmetan yang dipercayai dan tulen. **OptiMSM[®]** adalah MSM gred farmaseutikal yang berkualiti dan dihasilkan melalui proses penyulingan. Proses yang dipelopori oleh Bergstrom Nutrition, Inc., Amerika Syarikat ini dapat menyingkirkan bendasing dan hanya meninggalkan MSM tulen. Proses ini diiktiraf oleh jurutera kimia dan pakar-pakar lain sebagai kaedah yang terbaik di pasaran.

Kebaikan			
Rawan	✓	✓	✓
Tulang subkondral	✓	✓	✓
Membran sinovial		✓	
Bendalir sinovial	✓	✓	
Melegakan kesakitan	✓	✓	✓
Perlindungan sendi	✓	✓	✓

b-glu[®] dan **CS b-Bioactive[®]** adalah cap dagangan didaftar lesen oleh Bioiberica, S.A.U., Sepanyol.

OptiMSM[®] adalah cap dagangan berdaftar bagi Bergstrom Nutrition, Inc., Amerika Syarikat.



MS 2424 : 2012
1 036-10/2011



100 Tablets
MAL12045022X



4.5g x 30 Sachets
MAL13055070X

- 🌿 **Original researched ingredients**
原创研究原料
Ingredien asli penyelidikan
- 🌿 **Pharmaceutical grade**
医药等级
Gred farmaseutikal
- 🌿 **Clinical tested**
临床测试
Diuji secara klinikal

References:

Ministry of Health Malaysia. Clinical Practice Guidelines on the Management of Osteoarthritis. 2010.

Neogi T. (2013) The epidemiology and impact of pain in osteoarthritis. Osteoarthritis Cartilage, 21(9): 1145-1153.

Centers for Disease Control and Prevention. Osteoarthritis. <http://www.cdc.gov/arthritis/basics/osteoarthritis.htm> (17 June 2018)

Global Information Hub On Integrated Medicine (2011) Glucosamine, Dietary Supplement - Professional Data.
<http://www.globinmed.com/index.php?view=article&id=78220> (12 June 2018)

Global Information Hub On Integrated Medicine (2011) Chondroitin Sulfate, Dietary Supplement - Professional Data.
<http://www.globinmed.com/index.php?view=article&id=78216> (12 June 2018)

Global Information Hub On Integrated Medicine (2011) Methyl Sulfonyl Methane (MSM), Dietary Supplement - Professional Data.
<http://www.globinmed.com/index.php?view=article&id=78230> (12 June 2018)

Clegg DO et al. (2006) Glucosamine, chondroitin sulfate, and the two in combination for painful knee osteoarthritis, The New England Journal of Medicine, 354(8): 795-808.

Usha PR, Naidu MUR (2004) Randomised, Double-Blind, Parallel, Placebo-Controlled Study of Oral Glucosamine, Methylsulfonylmethane and their Combination in Osteoarthritis, Clinical Drug Investigation, 24(6): 353-363.

Vidyasagar S et al. (2004) Efficacy and Tolerability of Glucosamine Chondroitin Sulphate - Methyl Sulfonyl Methane (MSM) in Osteoarthritis of Knee in Indian Patients, Iranian Journal Of Pharmacology & Therapeutics, 3: 61-5.

Disclaimer: The information provided in this leaflet is for educational or reference purposes only and should not be construed as medical advice. Use as directed. Always read the label. People on prescription medicine should consult a healthcare professional first.

WINWA MEDICAL SDN. BHD. (75794-A)

1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3, Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

Tel: 04-5079784 (3 Lines) Fax: 04-5079652 Email: info@winwamedical.com

OSTEOACTIV[®]

3-in-1 Joint Formula



As Adjuvant Therapy for Osteoarthritis

